

**Kulliyah Kejuruteraan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)**

Catatan:

Bahasa resmi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ialah Bahasa Inggeris. Dokumen ini di wujudkan untuk memberi maklumat Kulliyah Kejuruteraan dalam Bahasa Malaysia. Untuk maklumat yang lebih lengkap, sila rujuk kepada laman web kami.

Sekian Terima Kasih

Program kejuruteraan telah dilancarkan di UIAM pada tahun 1994. Pada masa sekarang, Kulliyah Kejuruteraan menawarkan lapan bidang program sarjana muda kejuruteraan seperti berikut:

- Kejuruteraan Aero-Angkasa
- Kejuruteraan Automotif
- Kejuruteraan Bioteknologi
- Kejuruteraan Komunikasi
- Kejuruteraan Komputer dan Maklumat
- Kejuruteraan Pembuatan
- Kejuruteraan Bahan
- Kejuruteraan Mekatronik

Ciri-ciri Keunikan Kejuruteraan UIAM

- Program kejuruteraan terkini.
- Kemudahan pembelajaran dan sebuah bengkel kejuruteraan
- Tenaga pengajar antarabangsa dan berpengalaman.
- Pembelajaran pengurusan dan nilai-nilai Islam.
- Ijazah kejuruteraan yang diiktiraf oleh Lembaga Kejuruteraan Malaysia (BEM) dan Institusi Kejuruteraan Malaysia (IEM).
- Program di peringkat ijazah (Sarjana Muda) dan lepasan ijazah (Sarjana dan Doktor Falsafah).
- Kursus-kursus yang bersesuaian dengan program yang ditawarkan.
- Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- Keseimbangan antara pembelajaran secara teori dan praktikal.

1. Kejuruteraan Aero-Angkasa

Program ini bertujuan melahirkan graduan yang bermotivasi dalam menghadapi cabaran dalam bidang kejuruteraan rekabentuk, kawalan dan sistem pesawat angkasa. Turut ditekankan ialah aspek mekanik dan dinamik pesawat serta teknik pengurusan.

2. Kejuruteraan Automotif

Program yang berada di bawah jabatan kejuruteraan mekanikal ini akan melahirkan graduan yang arif mengenai aspek pembuatan dengan pengkhususan pada automotif. Turut ditekankan ialah struktur rekabentuk, analisis dan dinamik kenderaan.

3. Kejuruteraan Bioteknologi

Program ini bertujuan melahirkan graduan yang pakar dalam bidang kejuruteraan bioteknologi yang mengkhususkan aspek-aspek biofizikal., biokimia, bioproses, serta kejuruteraan sel dan tisu. Turut ditawarkan sebagai elektif ialah aspek kejuruteraan pemprosesan makanan dan bioteknologi alam sekitar.

4. Kejuruteraan Komunikasi

Program ini akan menekankan aspek komunikasi dan perhubungan dari sudut kejuruteraan. Graduan yang dilahirkan akan dapat menguasai bidang telekomunikasi, optikal, satelit, serta pemprosesan isyarat yang merupakan elemen penting di dalam era teknologi maklumat masa kini.

5. Kejuruteraan Komputer dan Maklumat

Program ini akan memperkenalkan dan mendalami aspek-aspek terbaru di dalam kejuruteraan komputer dan teknologi maklumat. Turut ditekankan adalah aspek integrasi maklumat di dalam bidang rekabentuk dan perisian, serta rangkaian komputer.

6. Kejuruteraan Pembuatan

Program ini akan melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dalam rekabentuk, teknologi pembuatan lanjutan, pemprosesan bahan, integrasi sistem pembuatan dan teknik pengurusan. Turut ditekankan adalah aspek memperbaiki kualiti, produktiviti dan kepelbagaian industri pembuatan.

7. Kejuruteraan Bahan

Program ini mengkhususkan kepada bidang kejuruteraan bahan di antaranya ialah, pembuatan dan pemprosesan bahan-bahan polimer, seramik dan komposit, serta rekabentuk pemprosesan. Turut ditekankan ialah sifat-sifat elektrik dan optikal bahan.

8. Kejuruteraan Mekanik

Program ini bertujuan melahirkan graduan yang berpengetahuan dan analitikal di dalam rekabentuk integrasi sistem mekatronik (elektrikal, mekanikal, elektronik dan komputer) bagi memenuhi keperluan automasi oleh industri.

Makmal-makmal Pembelajaran

Di antara makmal-makmal pembelajaran yang terdapat di Kulliyah Kejuruteraan UIAM ialah Makmal Perisian, Makmal Elektronik, Makmal Komunikasi, Makmal Rekabentuk Berbantuan Komputer, Makmal Kawalan, Makmal Peralatan, Makmal Elektromekanikal, Makmal Robotik, Makmal Mekanik Gunaan, Makmal Pengeluaran, Makmal Integrasi Pembuatan Berasaskan Komputer, Makmal Uji Bahan, Makmal Mekanik Bendalir, Makmal Sains Terma(Haba), Makmal Metrologi, makmal Bahan dan Kaji Logam dan Bengkel Kejuruteraan.

Struktur Program

- Jumlah minima 140 jam kredit bagi mendapatkan ijazah
- Program yang anjal yang membolehkan mahasiswa mendapatkan ijazah dalam masa 3-4 tahun
- Menjalani latihan industry dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kulliyah Kejuruteraan
- Projek kejuruteraan tahun akhir

Syarat-syarat Minima Kemasukan

- Sijil SPM atau setaraf dengannya ke Program Matrikulasi atau Peralihan Matrikulasi
- Sijil STPM atau setaraf dengannya ke Program Ijazah

Cara-cara Memohon

Ke Program Matrikulasi atau Peralihan Matrikulasi

- Mengisi boring Unit Pusat Universiti(UPU)
- Menghantar boring yang lengkap ke UPU

Ke Program Ijazah

- Mengisi boring permohonan yang boleh didapati dari Bahagian Kemasukan dan Rekod UIAM, Gombak
- Mengembalikan borang yang lengkap terus ke Bahagian Kemasukan dan Rekod UIAM, Gombak

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut boleh diajukan kepada:

Dekan
Kulliyah Kejuruteraan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur Malaysia

Tel: 603-2056 4447 / 4415

Faks: 603-2056 4853

E-mel: engine@iiu.edu.my

Laman web: <http://eng.iiu.edu.my>